



60



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

PERBADANAN PUTRAJAYA LANCAR OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN

PUTRAJAYA, 17 Oktober 2019 – Perbadanan Putrajaya (PPj) hari ini melancarkan operasi bersepadu pemeriksaan premis makanan di Ruang Niaga Kiosk D’Harmoni dan Kawasan Komersil Pangsapuri Putra Harmoni, Presint 9 dengan diketuai oleh Presiden PPj, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim.

Turut serta dalam operasi ini ialah Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj YBhg. Datuk Azizi bin Ahmad Termizi dan Penolong Pengarah Bahagian Kesihatan Persekutuan PPj, Encik Azman bin Ahmad,

Operasi bersepadu ini diadakan bertujuan memeriksa tahap kebersihan premis makanan, mengenal pasti struktur tambahan atau ubahsuai pada premis tanpa kebenaran, halangan di kaki lima, pembuangan sisa makanan ke dalam sistem perlimbah atau perparitan dan tempoh sah laku lesen premis perniagaan.

Seramai 30 orang pegawai terdiri daripada Bahagian Kesihatan Persekutuan, Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Komersil, Pembangunan Perniagaan & Pelesenan, Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland dan Bahagian Senibina & Inspektorat Bangunan dan Jabatan Undang-Undang terlibat dalam operasi yang dilancarkan bermula jam 2.30 petang.

Sebanyak **13** buah premis makanan telah diperiksa di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016 dan Akta Makanan 1983.

Pada tahun 2019, sebanyak **410** buah premis berlesen telah direkodkan dan sejumlah **158** buah premis telah diberikan penggredan ‘A’. Manakala sebanyak **136** premis telah diberi penggredan ‘B’ sepanjang Januari hingga September 2019. PPj telah mengeluarkan sebanyak **74** kompaun dan **24** notis amaran.

Hasil operasi dan pemeriksaan berkala oleh Bahagian Kesihatan Persekutaran PPj, peratusan premis makanan yang mendapat gred 'C' dan diarahkan tutup sehingga ke hari ini telah menurun kepada 1 premis berbanding 2 premis bagi tempoh yang sama pada tahun 2018.

PPj sentiasa mengadakan kempen dan pemeriksaan premis makanan dari semasa ke semasa untuk memastikan *standard* premis makanan di Putrajaya ini sentiasa berada pada tahap yang memuaskan dan mematuhi peraturan sedia ada. Orang ramai disaran menggunakan kuasa pengguna mereka agar tidak mengunjungi premis-premis yang kotor dan melaporkan aduan premis kotor kepada pihak PPj.

Untuk keterangan lanjut berhubung operasi pemeriksaan premis makanan di Putrajaya, sila hubungi **Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil**, Pegawai Media Bahagian Komunikasi Korporat PPj di talian 03-8887 7347 / 019-3354 346 atau emel kepada m.fairus@ppj.gov.my.



(TENGKU AINA BINTI YTM TENGKU ISMAIL SHAH)

Pengarah,
Bahagian Komunikasi Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 17 Oktober 2019